



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN PENYELIDIKAN DI LAPANGAN
PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
COVID-19 DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

KANDUNGAN

1.0	TUJUAN	1
2.0	SKOP	1
3.0	DEFINISI/ DAFTAR ISTILAH	1
3.0	PENYELIDIKAN DI LAPANGAN	2
4.0	LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN	3
4.1	Usaha Untuk Mengelakkan Risiko Penularan Covid-19	3
4.2	Pematuhan Perjalanan Mengikut Arahan Atau Sop Yang Dikuatkuasakan Oleh Kerajaan.....	3
4.3	Lokasi Penyelidikan Di Lapangan.....	3
4.4	Saringan Kesihatan Kendiri	4
4.5	Penginapan Semasa Di Lapangan	4
4.6	Kenderaan/Pengangkutan Ke Lapangan	5
4.7	Penjarakan Sosial Sepanjang Tempoh Penyelidikan Di Lapangan.....	5
4.8	Penggunaan Penutup Hidung Dan Mulut (<i>Mask</i>) Dan <i>Hand Sanitizer</i>	6
4.9	Disinfeksi Sampel Dari Lapangan	6
4.10	Kerja Lapangan Ke Luar Negara	6
4.11	Keperluan Untuk Menjalani Proses Kuarantin	6
5.0	TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN	6
6.0	KAEDAH PEMANTAUAN DAN HEBAHAN.....	7
7.0	RUJUKAN PERUNDANGAN	8
8.0	POLISI / PROSEDUR BERKAITAN.....	8
9.0	CARTA ALIR BERSEPADU / CARTA ALIR BERKAITAN	9
10.0	BORANG BERKAITAN	10

GARIS PANDUAN PENYELIDIKAN DI LAPANGAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19 DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan sebagai panduan untuk pelaksanaan semua aktiviti penyelidikan di lapangan bagi semua penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS), pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2.0 SKOP

- 2.1 Garis Panduan ini terpakai bagi semua pengurusan aktiviti penyelidikan di lapangan oleh penyelidik-penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) bermula pada **10 Jun 2020**.
- 2.2 Bagi tujuan penyelarasan, Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan dan Garis Panduan berikut-
 - i. Peraturan Pengurusan Pekerja Luar, Universiti Malaysia Sabah, 2018.
 - i. Garis Panduan Bekerja Norma Baharu, Universiti Malaysia Sabah.
 - ii. Garis Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 Di Universiti Malaysia Sabah.

3.0 DEFINISI/ DAFTAR ISTILAH

Istilah/ Singkatan Umum	Definisi / Penerangan
JFPIB	Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut, Bahagian
Kakitangan	Pekerja Universiti mengikut tafsiran Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah
Kakitangan akademik	Guru mengikut tafsiran Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah
Ketua Jabatan	Pegawai yang mengetuai JFPIB di UMS yang terdiri daripada Ketua/ Dekan/ Pengarah;
Makmal	Semua makmal/ bengkel/ studio untuk tujuan penyelidikan dan pengajaran dalam bidang Sains Hidup, Perubatan, Kimia, Fizikal, ICT dan bidang-bidang yang lain.
MKN	Majlis Keselamatan Negara
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia

Istilah/ Singkatan Umum	Definisi / Penerangan
Pelajar	Pelajar berdaftar di UMS
Penyelidik	Penyelidik termasuk kumpulan Pensyarah, Pengurusan & Profesional, Pelaksana, Penyelidik Pasca Doktorat dan Pelajar yang menjalankan aktiviti penyelidikan.
PI	Ketua Penyelidik
PPPI	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
PRW	Pusat Rawatan Warga
TNC P&I	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

3.0 PENYELIDIKAN DI LAPANGAN

- 3.1 Aktiviti penyelidikan di lapangan dalam garis panduan ini merangkumi tapak kajian, tempat awam dan mana-mana premis atau lokasi yang berkaitan untuk tujuan penyelidikan seperti pengambilan sampel, analisis di lapangan, soal selidik, temu bual, forum, perbincangan fokus berkumpulan dan sebagainya.
- 3.2 Pelaksanaan aktiviti penyelidikan di lapangan hendaklah mengambil kira beberapa aspek berikut-
 - i. Perancangan bersama di antara Ketua Jabatan bersama dengan penyelidik JFPiB.
 - ii. Pelaksanaan penyelidikan selepas PKP perlu mengambilkira keutamaan bidang penyelidikan dan risiko COVID-19 semasa di lapangan.
 - iii. Perancangan menjalankan penyelidikan di lapangan perlu mengambilkira lokasi kajian, saiz lokasi atau saiz komuniti yang terlibat, tarikh dan masa kerja lapangan, bilangan penyelidik dan ahli-ahli yang terlibat di lapangan. Ketua Penyelidik perlu mengisi Borang Penyelidikan Kerja Lapangan (BPKL) atas talian dalam SMPPPI.
- 3.3 Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) bertanggungjawab untuk menyemak kesesuaian kerja lapangan yang hendak dijalankan, manakala kelulusan menjalankan penyelidikan berkenaan adalah dibawah kuasa TNC (P&I).
- 3.4 Kelulusan untuk menjalankan penyelidikan di lapangan akan diberi keutamaan kepada penyelidikan yang berkaitan secara langsung dengan COVID-19.

- 3.5 Penyelidik, dikehendaki mengisi Borang Persetujuan Responden dalam Penyelidikan (BPRP) sekiranya penyelidikan berkenaan memerlukan penglibatan individu atau mana-mana pihak tertentu. Borang ini hendaklah dilampirkan sebagai bukti persetujuan penglibatan luar semasa permohonan menjalankan kerja lapangan dibuat.
- 3.6 Kelulusan juga akan mengambil kira lokasi kajian, saiz lokasi atau saiz komuniti terlibat, tarikh dan masa kerja lapangan, bilangan dan ahli-ahli yang terlibat dengan penyelidikan di lapangan.
- 3.7 TNC P&I dalam keadaan tertentu, boleh memberi kelulusan kepada bidang penyelidikan yang lain secara '*case by case basis*' berdasarkan keutamaan yang disarankan oleh PPPI.

4.0 LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

4.1 Usaha untuk mengelakkan risiko penularan COVID-19

Pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan di lapangan perlu menitikberatkan usaha untuk mengelakkan penularan COVID-19. Sehubungan dengan itu langkah-langkah yang digariskan dalam Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Semasa dan Pasca PKP hendaklah sentiasa dirujuk sebagai panduan penyelidik.

4.2 Pematuhan perjalanan mengikut arahan atau SOP yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan

Perjalanan keluar untuk menjalankan penyelidikan di lapangan adalah tertakluk kepada arahan perjalanan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

4.3 Lokasi penyelidikan di lapangan

- i. Sebelum menjalankan penyelidikan di lapangan pada sesuatu lokasi, penyelidik perlu merujuk kepada pihak berkuasa atau KKM berhubung status lokasi penyelidikan berkenaan dan semua penyelidik **DITEGAH** menjalankan penyelidikan di lokasi yang berisiko tinggi.
- ii. Penyelidik perlu meminimalkan perhubungan (*minimize contact*) dengan komuniti di sekitar lokasi penyelidikan dan juga sepanjang perjalanan pergi dan balik.

- iii. Semasa perjalanan pergi dan balik penyelidik dan ahli-ahli **TIDAK DIGALAKKAN** untuk berhenti di lokasi-lokasi yang melibatkan orang ramai kecuali untuk keperluan mendesak.
- iv. Penyelidik perlu mendapatkan kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi-agensinya berkaitan sebelum menjalankan aktiviti penyelidikan di lapangan di lokasi berkenaan.

4.4 Saringan Kesihatan Kendiri

- i. Penyelidik dan kakitangan **HENDAKLAH** membuat pemeriksaan saringan kesihatan sendiri dengan mengambil suhu badan masing-masing.
- ii. Penyelidik dan kakitangan yang mempunyai suhu badan 37.5°C ke atas atau menunjukkan sebarang simptom **HENDAKLAH** dirujuk ke PRW/Klinik Panel UMS atau Klinik Kesihatan Malaysia yang berdekatan.
- iii. Pengambilan suhu badan perlu dilakukan sebelum bertolak untuk ke kerja lapangan dan sebelum kembali dari lokasi kerja lapangan. Sekiranya terdapat gejala-gejala COVID-19 seperti demam, batuk, sakit tekak dan sesak nafas semasa menjalankan kerja lapangan, semua kerja lapangan harus dihentikan serta merta. Penyelidik dan semua ahli yang terlibat **DIKEHENDAKI** ke Klinik Kesihatan Malaysia yang berdekatan dengan **SEGERA**.
- iv. Ketua Penyelidik (PI) hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan Para 4.4, Garis Panduan ini dipatuhi sepenuhnya.
- v. Penyelidik dan ahli-ahli yang terlibat dalam penyelidikan di lapangan perlu melengkapkan Perakuan Penilaian Risiko Kerja Lapangan sebelum menyertai aktiviti penyelidikan di lapangan.

4.5 Penginapan semasa di lapangan

Bagi memastikan penjarakan sosial dapat dilaksanakan sepanjang tempoh penyelidikan di lapangan, aspek-aspek berkaitan penginapan berikut perlu diberi perhatian;

- a. Penyelidik dan ahli-ahli terlibat hendaklah menginap di bilik perseorangan (*single occupancy*). Bagi tujuan keselamatan dan penjimatan, bilangan ahli yang terlibat untuk kerja lapangan perlu diminimalkan.
- b. Penginapan yang melibatkan penggunaan khemah, harus mengutamakan penggunaan '*single tents*' atau penjarakan sosial sekiranya menggunakan khemah yang besar.

4.6 Kenderaan/Pengangkutan ke Lapangan

- i. Penyelidik perlu mengatur kenderaan dan pengangkutan sendiri melainkan ke lapangan agar penjarakan sosial dapat diamalkan.
- ii. Berikut adalah kapasiti penumpang yang disarankan di dalam kenderaan/pengangkutan bagi tujuan penjarakan sosial:

BIL	JENIS KENDERAAN	KAPASITI MAKSIMA PENUMPANG YANG DIBENARKAN TERMASUK PEMANDU
1	Kenderaan Pacuan 4 Roda dan Kereta Berkapasiti 5 Penumpang	2
2	Kereta Berkapasiti 7 Penumpang	3
3	Van Berkapasiti 8 Penumpang	4
4	Van Berkapasiti 10 Penumpang	5
5	Van Berkapasiti 12 Penumpang	6
7	Bas Coaster Berkapasiti 29 Penumpang	15
8	Bas Berkapasiti 41 Penumpang	21
9	Bas Berkapasiti 44 Penumpang	24
PENGANGKUTAN MELIBATKAN BOT		
10	Bot Berkapasiti 12 Penumpang	6 (termasuk pemandu dan pembantu)
11	Bot Berkapasiti 30 Penumpang	10 (termasuk pembantu dan pembantu)

4.7 Penjarakan sosial sepanjang tempoh penyelidikan di lapangan

- i. Semua penyelidik dan kakitangn yang terlibat perlu melaksanakan penjarakan sosial (sekurang-kurang 1 meter) sepanjang penyelidikan di lapangan termasuklah semasa makan dan minum.
- ii. Penjarakan sosial juga perlu diamalkan semasa menemubual responden. Sesi forum atau taklimat yang melibatkan peserta yang melebihi sepuluh (10) orang perlu dilaksanakan secara atas talian.
- iii. Namun, sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk melaksanakan taklimat dengan melibatkan kehadiran fizikal peserta, ruang untuk penyampaian taklimat haruslah terbuka (contoh padang dan dewan terbuka) dan amalkan penjarakan sosial.

4.8 Penggunaan penutup hidung dan mulut (*mask*) dan *hand sanitizer*

Penyelidik dan ahli-ahli terlibat disarankan agar menggunakan penutup mulut dan hidung dan *hand sanitizer* sebagai langkah pencegahan penularan COVID-19 dan penjagaan kebersihan.

4.9 Disinfeksi ¹sampel dari lapangan

Sampel yang diperoleh di lapangan seharusnya dibuat penyahkuman (disinfeksi) semasa yang boleh sebelum dibawa balik ke makmal yang berkenaan.

4.10 Kerja lapangan ke luar negara

- i. Penyelidik **DILARANG** membuat perjalanan bagi melaksanakan kerja luar/ kerja lapangan ke tempat-tempat yang berisiko tinggi dan juga rentas negara (luar negara) melainkan telah mendapat kelulusan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Polis DiRaja Malaysia.
- ii. Perubahan terhadap sekatan/ larangan ini adalah tertakluk kepada arahan Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

4.11 Keperluan untuk menjalani proses kuarantin

Keperluan untuk menjalani proses kuarantin adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa

5.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

5.1 Tanggungjawab Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI)

- i. Menkuatkuasa peraturan-peraturan menjalankan aktiviti penyelidikan dan bagi memastikan penyelidik mematuhi.
- ii. Memastikan JFPIB dapat menjalankan aktiviti penyelidikan tanpa menjejaskan penghasilan output penyelidikan.
- iii. Sentiasa bersedia bertindak dan memaklumkan warga penyelidik sekiranya terdapat arahan/perintah baharu oleh Kerajaan atau pihak berkuasa yang berkenaan selaras dengan perkembangan terkini wabak COVID-19.

¹ "Disinfeksi" adalah proses pembersihan dan nyahkuman daripada permukaan yang berpotensi tercemar mengikut kaedah yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia- Tafsiran mengikut Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 Di Universiti Malaysia Sabah.

5.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan

Ketua/Pengarah JFPIB adalah bertanggungjawab membuat pemantauan ke atas penyelidik yang berada di lapangan.

5.3 Tanggungjawab Ketua Penyelidik (PI)

- i. Ketua Penyelidik bertanggungjawab untuk mengemukakan permohonan kepada TNC P&I melalui Ketua/Pengarah JFPIB untuk menjalankan kerja lapangan.
- ii. Ketua Penyelidik adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan daripada mana-mana pihak luar untuk menjalankan penyelidikan di lapangan, sebagai contoh (MKN, KKM, Pejabat Daerah, Ketua Kampung atau mana-mana individu yang dipikirkan perlu). Bukti kelulusan ini hendaklah dilampirkan bersama Borang Permohonan untuk Menjalankan Kerja Lapangan UMS.

6.0 KAEDAH PEMANTAUAN DAN HEBAHAN

Pemantauan dan Penambahbaikan (CQI)	<ol style="list-style-type: none">1. Garis Panduan ini akan ditambah baik dari semasa ke semasa, tertakluk kepada arahan Universiti dan Kerajaan Malaysia.2. Sebarang pindaan akan dibuat mengikut tatacara panduan pengurusan polisi Universiti.3. Hebahan berkenaan garis panduan akan diedarkan melalui e-mel kepada semua Ketua JFPIB dan dimuat naik di web Penerbit UMS, Facebook dan poster bercetak.
Penyiaran/ Hebahan Garis Panduan	<ol style="list-style-type: none">1. Garis Panduan yang telah diluluskan oleh Senat/ PBPU/ LPU hendaklah didaftarkan dalam Daftar Polisi UMS dan diwartakan melalui Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).2. Hebahan berkenaan garis panduan akan diedarkan melalui e-mel kepada semua Ketua F/J/I/B dan dimuat naik di web Penerbit UMS, Facebook, poster bercetak dan e-mel surat pemakluman kepada pencetak.

7.0 RUJUKAN PERUNDANGAN


Sumber Perundangan Berkaitan	Klausa Rujukan
Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994	-Seksyen 15, Seksyen 17, Seksyen 18 dan Seksyen 19 (Bahagian VI) Kewajipan Am Majikan dan Orang yang Bekerja Sendiri. -Seksyen 24 dan Seksyen 25 (Bahagian VI) Kewajipan AM Pekerja
Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]	-Seksyen 10, Seksyen 12 dan Seksyen 13 (Bahagian IV) Mengawal merbaknya Penyakit Berjangkit
Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Semasa dan Selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) UMS	Keseluruhan

8.0 POLISI / PROSEDUR BERKAITAN

- a. Manual Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Universiti Malaysia Sabah 2019
- b. Garis Panduan Bekerja Norma Baharu, Universiti Malaysia Sabah.
- c. Garis Panduan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 Di Universiti Malaysia Sabah.
- d. Pekeliling Pendaftar Bilangan 4 Tahun 2020: Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 di UMS;
- e. Pekeliling Pendaftar Bilangan 5 Tahun 2020: Garis Panduan Bekerja Norma Baharu UMS;
- f. Peraturan Keselamatan dan Penggunaan Makmal, Terbitan Pendaftar, 2008;
- g. Dasar Penyelidikan UMS, pindaan 2020;
- h. Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Operasi Institusi Pendidikan Tinggi Semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak Covid-19 Kementerian Pengajian Tinggi

9.0 CARTA ALIR BERSEPADU / CARTA ALIR BERKAITAN

Carta Alir Permohonan Perkhidmatan / Penggunaan Makmal



Tanggungjawab	Proses Kerja
Ketua Penyelidik	Memohon untuk menjalankan penyelidikan di lapangan (Borang Permohonan Kerja Lapangan (BPKL) atas talian)
Ketua Jabatan (Urus setia Penyelidikan JFPIB)	Memperakukan permohonan
Urusetia Penyelidikan JFPIU	Memastikan permohonan yang lengkap di atas talian dimajukan ke PPPI
Urusetia Penyelidikan PPPI	Menyemak dan memperakukan permohonan atas talian
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	Meluluskan permohonan
Urusetia Penyelidikan PPPI	Memaklumkan maklumat kelulusan kepada pemohon

10.0 BORANG BERKAITAN

- a. Borang Permohonan Kerja Lapangan
- b. Borang Persetujuan Responden
- c. Perakuan Penilaian Risiko Kerja Lapangan